

02 FEBRUARI 2018

## Lalok 'atas bumbung'



# Lalok 'atas bumbung'

■ Lalaki ganggu lalu lintas akibat dadah turut terbabit kes curi kereta

LALAKI ganggu lalu lintas kerana khayal akibat pengaruh dadah di bulatan Plaza Likas.

**Fardy Bunga**  
fardy@hmetro.com.my

### Kota Kinabalu

**A**ksi 'gila' lelaki memanjat bumbung kereta yang bergerak di bulatan Jalan Pasir, berhampiran Plaza Likas, di sini, membongkar rahsia dia bukan saja khayal akibat di bawah pengaruh syabu, tetapi juga terbabit dalam jenayah curi kenderaan.

Dalam kejadian jam 5.30 petang, Ahad lalu, suspek berusia 36 tahun ditahan sepasukan polis yang bergegas ke lokasi kejadian. Difahamkan, sebelum

kejadian, lelaki itu mengemparkan pengguna jalan raya apabila tiba-tiba keluar dari kereta sebelum mengganggu lalu lintas.

Lelaki terbabit menahan Perodua Myvi dan memanjat bumbung kenderaan berkenaan serta meronta-ronta menyebabkan beberapa pengguna jalan raya lain cuba menenangkannya.

Bagaimanapun, lelaki berkenaan bertindak agresif sebelum lari ke arah bertentangan dan sekali lagi mengganggu lalu lintas.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Asisten Komisyoner M Chandra berkata, suspek ditahan oleh orang

ramai di tempat kejadian sebelum menghubungi polis untuk bantuan segera.

Katanya, siasatan mendapati suspek berkelakuan sedemikian akibat pengaruh dadah dan mengaku menagih dadah sebelum kejadian.

"Ujian saringan air kencing yang dijalankan terhadapnya membuktikan suspek positif methamphetamine."

"Dalam soal siasat yang dijalankan, suspek mengaku terbabit dalam kes kecurian sebuah kenderaan Toyota Hilux bersama seorang lagi rakannya yang masih bebas di sekitar Karamuning jam 10 pagi hari

yang sama," katanya.

Menurutnya, suspek yang juga warga tempatan bekerja sebagai pengawal keselamatan dan mempunyai rekod jenayah lampau termasuk pernah menjalani hukuman di Penjara Simpang Renggam, Johor.

Katanya, suspek di-

reman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksan kerana curi kenderaan.

“Ujian saringan air kencing yang dijalankan terhadapnya membuktikan suspek positif methamphetamine”

M Chandra

